



KEMENTERIAN EKONOMI
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

Pembentukan Modal Tetap Kasar meningkat 9.6 peratus merekodkan RM386.4 bilion pada 2025

PUTRAJAYA, 28 JULAI 2026 – Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) menerbitkan Statistik **Pembentukan Modal Tetap Kasar (PMTK) 2025**. PMTK Malaysia berjumlah RM386.4 bilion pada harga malar pada tahun 2025 (2024: RM352.6 bilion). Prestasi PMTK Malaysia pada tahun 2025 disokong oleh momentum pelaburan yang berterusan dan aktiviti ekonomi yang kekal berdaya tahan.

Dalam kenyataan pada hari ini, DOSM menyatakan bahawa PMTK meningkat **9.6 peratus**, selepas mencatatkan peningkatan **12.1 peratus** pada tahun 2024. Prestasi ini disokong oleh pertumbuhan dalam hampir kesemua aktiviti ekonomi kecuali Perlombongan & Pengkuarian.

PMTK bagi aktiviti Perkhidmatan mencatatkan pertumbuhan dua digit iaitu 11.3 peratus (2024: 13.8%), disumbangkan terutamanya oleh Kewangan, insurans, hartanah dan perkhidmatan perniagaan (9.6%) dan Pengangkutan & penyimpanan dan maklumat & komunikasi (13.7%). Pada masa yang sama, aktiviti Pembuatan menyederhana kepada 8.8 peratus (2024: 11.8%) diterajui oleh subaktiviti Produk elektrik, elektronik & optikal dan peralatan pengangkutan (9.7%) dan diikuti oleh Produk petroleum, kimia, getah dan plastik (9.1%).

Bagi aktiviti Pertanian, PMTK meningkat 3.5 peratus pada tahun 2025 (2024: 3.3%) disokong oleh peningkatan pelaburan dalam Ternakan & perikanan serta Pertanian lain manakala aktiviti Pembinaan bertumbuh 4.2 peratus (2024: 4.6%). Sementara itu, PMTK dalam aktiviti Perlombongan & pengkuarian menyusut sebanyak 1.7 peratus berbanding pertumbuhan 2.9 peratus pada tahun sebelumnya.

Dari segi PMTK mengikut jenis aset, Struktur terus menjadi penyumbang terbesar dengan komposisi 52.3 peratus (2024: 51.6%) yang bertumbuh sebanyak 11.1 peratus pada tahun 2025 (2024: 15.5%). Di samping itu, Peralatan ICT dan lain-lain jentera & peralatan mengekalkan pertumbuhan dua digit sebanyak 12.2 peratus (2024: 14.6%), diikuti Produk harta intelek (3.2%).



Sektor Swasta terus menjadi penyumbang utama dengan sumbangan 77.3 peratus pada tahun 2025 (2024: 77.4%), manakala sektor Awam menyumbang 22.7 peratus (2024: 22.6%). Kedua-dua sektor merekodkan peningkatan pada tahun 2025 dengan masing-masing mencatatkan pertumbuhan 9.4 peratus (2024: 12.4%) dan 10.3 peratus (2024: 11.1%). Aktiviti Perkhidmatan dan Pembuatan merupakan penyumbang utama kepada kedua-dua PMTK sektor Swasta dan Awam. Sumbangan aktiviti Perkhidmatan bagi sektor Swasta adalah 66.7 peratus (2024: 65.7%), manakala sumbangan aktiviti Pembuatan adalah 22.5 peratus (2024: 22.6%). Aktiviti-aktiviti lain menyumbang 10.8 peratus daripada jumlah keseluruhan PMTK Swasta. Pada masa yang sama, aktiviti Perkhidmatan bagi sektor Awam merekodkan sumbangan 80.6 peratus, diikuti oleh Pembuatan (9.5%) dan Perlombongan dan pengkuarian (9.1%).

Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) sedang melaksanakan **Banci Ekonomi 2026 (BE2026)** dengan tema “**Data Nadi Ekonomi Rakyat**”. Pelaksanaan Banci Ekonomi kali keenam ini berlangsung dari **5 Januari hingga 31 Oktober 2026**. BE2026 bertujuan untuk mengumpul data yang menyeluruh dan berstruktur daripada semua pertubuhan perniagaan berdaftar dan tidak berdaftar di Malaysia, bagi menilai prestasi, struktur serta ciri-ciri ekonomi negara secara komprehensif dan berasaskan bukti.

OpenDOSM NextGen adalah medium yang menyediakan katalog data dan visualisasi bagi memudahkan pengguna menganalisis pelbagai data dan boleh diakses melalui portal <https://open.dosm.gov.my>.

Dikeluarkan oleh:

PEJABAT KETUA PERANGKAWAN MALAYSIA
JABATAN PERANGKAAN MALAYSIA
28 JULAI 2026

CARTA**1****PMTK: Nilai dan Perubahan Peratusan Tahunan pada Harga Semasa dan Harga Malar 2015****CARTA****2****PMTK: Peratus Sumbangan Mengikut Jenis Aktiviti Ekonomi pada Harga Malar 2015**



MINISTRY OF ECONOMY
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA

MEDIA STATEMENT

Gross Fixed Capital Formation rose by 9.6 per cent to record RM386.4 billion in 2025

PUTRAJAYA, 28TH JULY 2026 – The Department of Statistics, Malaysia (DOSM) released the statistics on **Gross Fixed Capital Formation (GFCF) for 2025**. Malaysia's GFCF amounted to RM386.4 billion at constant prices in 2025 (2024: RM352.6 billion). Malaysia's GFCF performance in 2025 was supported by sustained investment momentum and resilient economic activity.

In today's statement, DOSM reported that GFCF rose by **9.6 per cent**, following an expansion of **12.1 per cent** in 2024. The performance was supported by growth in almost all economic activities except for the Mining & quarrying.

The GFCF in Services activity registering a double-digit growth of 11.3 per cent (2024: 13.8%) mainly contributed by the Finance, insurance, real estate and business services (9.6%) and Transportation & storage and information & communication (13.7%). In the meantime, the Manufacturing activity moderated to 8.8 per cent (2024: 11.8%) which led by Electrical, electronic & optical products and transport equipment sub-activity (9.7%) and followed by Petroleum, chemical, rubber and plastic products activity (9.1%).

For the Agriculture activity, the GFCF rose by 3.5 per cent in 2025 (2024: 3.3%) supported by higher investment in Livestock & fishing and Other agriculture while the Construction grew by 4.2 per cent (2024: 4.6%). Meanwhile, the GFCF in Mining & quarrying activity contracted by 1.7 per cent as compared to a growth of 2.9 per cent in preceding year.

In terms of GFCF by type of assets, Structure continued to be the largest contributor with a composition of 52.3 per cent (2024: 51.6%), which grew by 11.1 per cent in 2025 (2024: 15.5%). In addition, ICT equipment and other machinery & equipment sustained the double-digit growth of 12.2 per cent (2024: 14.6%), followed by Intellectual property (3.2%).

The Private sector continued to be the main contributor with a share of 77.3 per cent in 2025 (2024: 77.4%) while the Public sector accounted for 22.7 per cent (2024: 22.6%). Both sectors posted increases in 2025 with a growth of 9.4 per cent (2024: 12.4%) and 10.3 per cent (2024: 11.1%), respectively. The Services and Manufacturing activities were the main contributors to the GFCF for both Private and Public sectors. The share of Services in Private sector was 66.7 per cent (2024: 65.7%), while Manufacturing share at 22.5 per cent (2024: 22.6%). The remaining activities made-up for 10.8 per cent of the total Private GFCF. On the same note, Services in the Public sector recorded a share of 80.6 per cent, followed by the Manufacturing (9.5%) and Mining & quarrying (9.1%) activities.

The Department of Statistics Malaysia (DOSM) is conducting the **Economic Census 2026 (BE2026)**, themed “*Data Nadi Ekonomi Rakyat*”. The sixth Economic Census, running from **5th January to 31st October 2026**. BE2026 aims to collect comprehensive, structured data from all registered and unregistered business establishments in Malaysia to assess the nation's economic performance, structure and characteristics in an evidence-based manner.

OpenDOSM NextGen is a medium that provides data catalogue and visualisations to facilitate users' analysis and can be accessed through <https://open.dosm.gov.my>.


Released by:

**THE OFFICE OF CHIEF STATISTICIAN MALAYSIA
DEPARTMENT OF STATISTICS MALAYSIA
28 JULY 2026**

CHART

1

GFCF: Value and Annual Percentage Change at Current Prices and Constant 2015 Prices



CHART

2

GFCF: Percentage Share by Type of Assets at Constant 2015 Prices

